

PENTERJEMAHAN ISTILAH BIOLOGI: PERBANDINGAN TIGA DEKAD

Hasnah Mohamad

Abstrak

Artikel ini membincangkan perubahan istilah biologi dalam tempoh tiga dekad (1960-an, 1980-an, 1990-an). Kajian tertumpu pada istilah biologi yang merupakan istilah terjemahan dan pinjaman kerana bidang biologi merupakan bidang yang diimport dari negara luar, justeru memerlukan peminjaman konsep dalam bidang berkenaan. Kajian ini bertujuan mengkaji kewujudan pola tertentu dalam pembentukan istilah pada tiga dekad yang berlainan. Kajian ini turut menyelisik sikap bahasa masyarakat terhadap istilah bahasa Melayu. Kaedah analisis teks buku istilah dan Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) digunakan dalam kajian ini. Data yang dianalisis ialah *Istilah Kajihayat, Perhutanan dan Pertanian* (1968), *Istilah Biologi* (1988), dan Pangkalan Data Korpus DBP. Dapatan kajian menunjukkan bahawa antara tahun 1968 hingga 1988 lebih 80 peratus istilah yang dikaji telah mengalami perubahan dan perubahan tersebut diuraikan dalam lima kategori. Selepas tempoh tersebut, iaitu dekad 1990-an, kajian mendapati hanya lima peratus istilah yang mengalami perubahan. Faktor-faktor yang menyebabkan perubahan istilah tersebut juga telah dikenal pasti. Kajian juga menunjukkan sikap positif masyarakat terhadap istilah yang dihasilkan digambarkan melalui penerimaan dan penggunaan istilah tersebut dalam bahan terbitan buku dan akhbar. Selain itu, pola penggunaan istilah yang berbeza dalam tempoh yang dikaji telah berjaya dikenal pasti.

Abstract

This article discusses the transformation of biological terminologies in three different decades (1960's, 1980's and 1990's). The study focuses on translated and borrowed terms in view of the fact that biology is an

imported field, hence the requirement of a borrowed concept. This study aims to examine the existence of particular patterns in establishing the terminology of three different decades. It also attempts to look at the language attitude of society towards the terms in Malay language. The methodology in this research includes the usage of textbooks on terminology and DBP Corpus Database. Istilah Kajihayat, Perhutanan dan Pertanian (1968), Istilah Biologi (1988) and DBP Corpus Database were used as data source. The finding shows that between the 1968–1988 period, more than 80 percent of the studied terms faced a transformation that could be characterised in five categories. Subsequently, this research shows that only five percent of these terms have evolved in 1990's. The factors that cause the transformation have been identified. The acceptance and utilization through books and newspapers indicate the positive attitudes of society towards the terms used. In addition, the different patterns of terminology usage in the period under review have been successfully identified.

PENDAHULUAN

Bahasa sebagai medium komunikasi, bukan sahaja memainkan peranan yang penting dalam kalangan masyarakat umum, malah sama pentingnya dalam komunikasi antara masyarakat dalam bidang khusus atau profesional. Komunikasi dikatakan berjaya dilakukan secara individu atau secara berkelompok apabila individu yang berkomunikasi itu saling memahami antara satu sama lain. Untuk tujuan itu, kelompok sosial tersebut perlu menggunakan bahasa yang sama. Selain itu, bahasa yang digunakan perlulah tidak berubah secara mengejut. Sebaliknya, sebarang perubahan yang berlaku terhadap bahasa, termasuk perubahan leksikon, perlulah berlaku secara evolusi atau beransur-ansur kerana perubahan secara mendadak boleh mengganggu kelancaran komunikasi. Fenomena perubahan bahasa, khususnya dalam leksikon khusus inilah yang akan diuraikan dalam kajian ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk memenuhi tiga objektif yang berikut:

- i. Mengenal pasti sama ada berlaku perubahan istilah biologi dalam tempoh tiga dekad (1960-an, 1980-an, dan 1990-an).
- ii. Menyiasat faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan istilah dalam tempoh tersebut.
- iii. Mengkaji sikap masyarakat terhadap istilah bahasa Melayu.

PERSOALAN KAJIAN

Perubahan leksikon khusus atau istilah sering mengganggu kelancaran komunikasi, khususnya dalam kalangan pengguna bidang khusus. Bertitik tolak daripada masalah tersebut, kajian ini dijalankan berdasarkan tiga persoalan yang berikut :

- i. Adakah berlaku perubahan istilah dalam tempoh tiga dekad yang dikaji?
- ii. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan istilah tersebut?
- iii. Bagaimanakah faktor sikap memainkan peranan dalam mempengaruhi pemasyarakat istilah?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks yang memanfaatkan buku *Daftar Istilah Kajihayat/Biologi* dan Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Perbandingan dibuat antara dekad 60-an, 80-an dan 90-an memandangkan pada dekad tersebut wujudnya istilah biologi yang diterbitkan secara terancang, sama ada dalam bentuk buku istilah atau pelbagai terbitan lain. Buku istilah yang digunakan ialah *Istilah Kajihayat, Perhutanan dan Pertanian* (1968), dan *Daftar Istilah Biologi* (1988). Langkah pertama ialah penyenaraian istilah sumber (bahasa asing) dan istilah sasaran (bahasa Melayu) yang terdapat dalam kedua-dua buku istilah tersebut. Senarai istilah tersebut seterusnya dibandingkan dengan istilah yang terakam dalam buku dan akhbar tahun 1990 hingga 1999 yang diperoleh daripada Pangkalan Data Korpus DBP. Seterusnya ditentukan sama ada perubahan istilah berlaku atau tidak dengan meneliti lajur istilah sasaran tahun 1968, 1988, dan 1990-an. Contohnya seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Jadual perubahan istilah sasaran biologi tahun 1968, 1988, 1990-an.

Bil.	Istilah Sumber	Istilah Sasaran		
		1968	1988	1990-an
1	enzyme	enzim	enzim	enzim
2	fibril	fibril	fibril	fibril
3	gene	jen	gen	gen
4	glucose	gelukos	glukosa	glukosa
5	hormone	hormon	hormon	hormon

KLASIFIKASI PERUBAHAN BENTUK ISTILAH

Bentuk istilah dalam bahasa Melayu boleh dibincangkan dari segi fonologi dan morfologi (Asmah Haji Omar, 1987). Walau bagaimanapun, pengkaji akan menumpukan perhatian pada perubahan bentuk morfologi istilah sahaja. Morfologi istilah ialah bentuk istilah yang terdiri daripada unit linguistik terkecil dan mempunyai makna, yang dikenali sebagai morfem (Felber, 1995). Kajian ini tertumpu pada istilah biologi yang dibentuk secara terjemahan dan penyerapan kerana bidang biologi merupakan bidang yang diimport dari negara luar, justeru, memerlukan peminjaman konsep dalam bidang berkenaan. Setiap istilah yang diambil dari luar itu (dikenali sebagai istilah sumber) mempunyai unit makna yang merupakan timbunan konsep. Perkara yang diutamakan ialah ketepatan makna istilah yang diterjemahkan sama seperti makna yang didukung oleh konsep istilah sumber berkenaan. *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu* (2004) menggariskan langkah-langkah untuk membentuk istilah yang konsepnya diambil dari luar seperti yang berikut:

- i. Penterjemahan (secara langsung atau pereaikan)
- ii. Penyerapan (tanpa atau dengan penyesuaian ejaan)
- iii. Gabungan penterjemahan dan penyerapan

KAEDAH UNTUK MENGENAL PASTI PERUBAHAN BENTUK ISTILAH

Data kajian, iaitu istilah biologi tahun 1968, 1988, dan 1990-an diteliti dan dicatatkan untuk memastikan sama ada berlaku perubahan atau tidak. Data tersebut terdiri daripada istilah sumber dalam buku *Istilah Kajihayat, Perhutanan dan Pertanian* (1968) yang kemudiannya disenaraikan semula dalam buku *Daftar Istilah Biologi* (1988). Istilah tersebut mencakupi beberapa subbidang biologi, seperti anatomi, botani, ekologi, fisiologi, histologi, mikrobiologi, morfologi, sitologi, taksonomi dan zoologi. Daripada jumlah tersebut, perbandingan istilah tahun 1968 dengan istilah tahun 1988 menunjukkan 86.9 peratus istilah didapati telah mengalami perubahan. Manakala kajian perbandingan dengan data istilah tahun 1990-an menunjukkan 95 peratus istilah tahun 1988 dikekalkan bentuknya dan hanya lima peratus yang mengalami perubahan morfologi. Pangkalan Data Korpus DBP digunakan bagi menggambarkan bentuk-bentuk istilah yang digunakan oleh masyarakat tahun 1990-an, di samping turut menjelaskan faktor pemantapan istilah, dan seterusnya aspek pemasyarakatan istilah.

Perubahan morfologi istilah kemudiannya diteliti dan diperincikan untuk mengenal pasti sama ada perubahan berlaku disebabkan berubahnya ejaan, imbuhan, perbezaan pemilihan lambang kata, dan sebagainya. Perubahan bahasa yang disebabkan perubahan leksikon khusus atau istilah, diungkapkan oleh Sibarani (2000) sebagai perubahan bahasa secara leksikon. Perubahan tersebut dilihat dari beberapa segi, iaitu 1. penghilangan, 2. penambahan, 3. peluasan, 4. penyempitan, dan 5. pertukaran.

1. Penghilangan

Proses menghilangnya leksikon atau istilah untuk konsep tertentu akibat hilangnya unsur budaya bagi konsep berkenaan dikenali sebagai penghilangan. Misalnya, kata “sen” dan “ringgit” yang tidak lagi dikenali sebagai leksikon bahasa Indonesia kerana bahasa Indonesia tidak lagi mengenali mata wang itu seperti dahulu. Penghilangan leksikon juga mungkin berlaku kerana pilihan masyarakat terhadap leksikon baru yang sama maknanya dengan leksikon lama.

2. Penambahan

Proses bertambahnya leksikon baru akibat munculnya konsep baharu disebabkan oleh pengaruh kemajuan teknologi. Antara faktor yang menyebabkan penambahan leksikon baru ialah belum adanya istilah berkenaan dalam sesuatu bahasa, atau kemungkinan sudah ada istilah tetapi maknanya berbeza dengan yang sedia ada.

3. Peluasan

Peluasan makna mencakupi bidang semantik leksikal, dan berhubungan dengan perubahan makna leksikon. Peluasan mengakibatkan makna sesuatu unsur bahasa menjadi lebih luas berbanding dengan makna sebelumnya.


4. Penyempitan

Pergeseran makna sesuatu unsur bahasa yang menjadi lebih sempit atau lebih terbatas berbanding dengan makna sebelumnya.

5. Pertukaran

Perubahan bentuk bahasa atau tanda bahasa yang satu dengan bentuk bahasa atau tanda bahasa yang lain untuk melambangkan konsep yang sama.

Fenomena perubahan bahasa secara leksikon ini dapat digambarkan melalui Rajah 1.



Rajah 1 Fenomena perubahan bahasa secara leksikon.

PERBANDINGAN DENGAN PANGKALAN DATA KORPUS

Kajian ini turut melibatkan penelitian istilah dalam Pangkalan Data Korpus DBP. Data korpus yang diteliti ialah terbitan buku dalam bidang sains dan surat khabar untuk tempoh tahun 1990 hingga 1999. Perbandingan dibuat dengan Pangkalan Data Korpus kerana selepas tahun 1988, penerbitan buku istilah biologi tidak lagi dihasilkan. Di samping itu, untuk melihat sikap terhadap istilah dalam kalangan masyarakat, penelitian data korpus adalah lebih tepat berbanding dengan penelitian terbitan terancang seperti daftar atau kamus istilah. Hal ini kerana Pangkalan Data Korpus DBP dapat menggambarkan penggunaan istilah berkenaan dalam kalangan masyarakat. Tambahan pula, data ini juga dijangka dapat menunjukkan sama ada istilah-istilah berkenaan digunakan, diubah atau sebaliknya. Seterusnya, hasil analisis ini juga dapat menjana maklumat tentang pemasyarakat istilah.

SIKAP BAHASA DAN PEMILIHAN ISTILAH

Sikap terhadap sesuatu bahasa merujuk kepada sikap kelompok masyarakat terhadap sesuatu bahasa. Kajian sikap bahasa merupakan kajian utama yang menunjangi pelbagai kajian sikap bahasa lain yang lebih khusus, seperti kajian terhadap penggunaan bahasa khusus (Baker, 1992). Dalam kajian ini, sikap bahasa yang dimaksudkan ialah sikap bahasa terhadap istilah yang dipilih oleh kelompok masyarakat. Kelompok masyarakat tersebut akan membuat penilaian terhadap sesuatu bahasa (istilah) berdasarkan pandangan mereka yang dipengaruhi oleh beberapa faktor tertentu, seperti latar belakang pendidikan, pendedahan terhadap sesuatu bahasa, serta sosiopolitik semasa. Faktor-faktor tersebut menjadi variabel sosiolinguistik yang boleh dianggap sebagai penentu kepada sikap kelompok masyarakat tertentu terhadap sesuatu bahasa (istilah), sama ada positif atau negatif. Kajian sedemikian dapat memberi petunjuk tentang kedudukan bahasa yang dikaji dan sesuai dijadikan panduan dalam menentukan dasar perancangan bahasa negara.

HASIL KAJIAN

Hasil kajian dibahagikan kepada dua, iaitu (a) perubahan istilah tahun 1988 berbanding dengan istilah tahun 1968; dan (b) perubahan istilah tahun 1990-an berdasarkan Pangkalan Data Korpus DBP.

Perubahan Istilah pada Tahun 1988

Bahagian ini membincangkan istilah yang mengekalkan bentuknya dan istilah yang mengalami perubahan morfologi antara tahun 1968 hingga 1988. Peratus istilah yang mengekalkan bentuk serta istilah yang mengalami perubahan ditentukan dan diberikan penjelasan.

I. Istilah yang Mengekalkan Morfologinya

Daripada sejumlah istilah yang dianalisis, hanya 15 peratus sahaja istilah yang tidak mengalami sebarang perubahan morfologi dalam tempoh yang dikaji. Kajian juga mendapati istilah yang tidak berubah itu terbahagi kepada dua kumpulan mengikut lambang yang membentuk istilah berkenaan, iaitu sama ada istilah yang dibentuk secara terjemahan langsung yang terdiri daripada kata dalam bahasa Melayu, atau yang diserap daripada bahasa asing. Sebanyak 63 peratus daripadanya merupakan istilah terjemahan

langsung yang menggunakan kata bahasa Melayu. Senarai istilah tersebut diperturunkan dalam Jadual 2. Manakala 37 peratus istilah lagi diserap daripada kata asing, seperti dalam Jadual 3.

Jadual 2 Istilah terjemahan langsung yang mengekalkan bentuknya.

Bil.	Istilah Sumber	Istilah Sasaran	
		1968	1988
1	backbone	tulang belakang	tulang belakang
2	bullfrog	katak kuak	katak kuak
3	burrow	korek	korek
4	down feather	bulu kapas	bulu kapas
5	elastic cartilage	rawan kenyal	rawan kenyal
6	exoskeleton	rangka luar	rangka luar
7	extinct	pupus	pupus
8	gall bladder	pundi hempedu	pundi hempedu
9	kidney	ginjal/buah pinggang	ginjal/buah pinggang
10	kingdom	alam	alam
11	midgut or mesentron	usus tengah	usus tengah
12	muscle	otot	otot
13	pollination	pendebungaan	pendebungaan
14	propagation	pembiakan	pembiakan
15	ring-worm	kurap	kurap
16	root	akar	akar
17	stalk	tangkai	tangkai
18	stimulus	rangsang	rangsang
19	tail bud	tunas ekor	tunas ekor
20	turtle	penyu	penyu
21	vagina	faraj	faraj
22	weed	rumpai	rumpai
23	whale	paus	paus
24	wing	kepak	kepak

Jadual 3 Istilah serapan kata asing yang mengekalkan bentuknya.

Bil.	Istilah Sumber	Istilah Sasaran	
		1968	1988
1	agametes	agamet	agamet
2	chalaza	kalaza	kalaza
3	erepsin	erepsin	erepsin
4	heparin	heparin	heparin
5	ileum	ileum	ileum
6	mastodon	mastodon	mastodon
7	morula	morula	morula
8	occiput	oksiput	oksiput
9	ovotestis	ovotestis	ovotestis
10	pyrenoid	pirenoid	pirenoid
11	renin	renin	renin
12	telson	telson	telson
13	urea	urea	urea
14	velamen	velamen	velamen
15	vitamin	vitamin	vitamin

Hasil kajian ini membuktikan bahawa hanya sedikit sahaja istilah yang dikekalkan bentuknya selepas tempoh yang dikaji. Sebahagian besar istilah tersebut (63 peratus) dibentuk daripada kata bahasa Melayu melalui proses penterjemahan langsung, manakala sebahagian lagi (37 peratus) diserap daripada bahasa asing. Pengekalan bentuk istilah ini berlaku kerana istilah terjemahan langsung yang dibentuk daripada kosa kata bahasa Melayu tersebut menggunakan kata yang sudah begitu lazim digunakan, telah mantap, dan sukar diterima masyarakat sekiranya diubah. Kata-kata tersebut juga dapat menerangkan kesemua konsep makna yang ada pada istilah sumber misalnya, *extinct – pupus*; *muscle – otot*; *root – akar* dan *wing – kepak*.

Manakala bagi istilah yang dibentuk melalui penyerapan kosa kata asing pula, didapati istilah tersebut merupakan kata yang sangat khusus dan tidak terdapat atau belum ditemui dalam kosa kata umum bahasa Melayu. Misalnya, *heparin – heparin*; *morula – morula*; *pyrenoid – pirenoid* dan *telson – telson*. Istilah tersebut tidak diubah kerana kata dalam bahasa Melayu atau bahasa serumpun dengannya yang dapat menerangkan

konsep istilah berkenaan tidak wujud atau masih belum ditemui oleh pakar bidang atau ahli bahasa. Selain itu, kajian juga mendapati istilah-istilah tersebut dapat diterima umum yang dibuktikan melalui penggunaan istilah berkenaan dalam buku-buku rujukan yang berkaitan.

PERUBAHAN ISTILAH PADA TAHUN 1988

II. Istilah yang Mengalami Perubahan Morfologi

Bahagian ini membincangkan istilah yang mengalami perubahan morfologi dalam tempoh yang dikaji. Kajian menunjukkan bahawa untuk tempoh 1968 hingga 1988, sebanyak 85 peratus telah mengalami perubahan morfologi. Berpandukan kajian oleh Sibarani (2000), perubahan morfologi istilah biologi dibahagikan kepada lima kategori yang berbeza, iaitu;

- i. Pertukaran
- ii. Penghilangan
- iii. Penambahan
- iv. Penyempitan
- v. Peluasan

Seterusnya, faktor-faktor yang menyebabkan perubahan dalam lima kategori tersebut telah dikenal pasti seperti yang berikut;

- a. Perubahan disebabkan faktor sejarah yang melibatkan perkembangan semasa dalam proses perancangan bahasa seperti perubahan Sistem Ejaan, dan lain-lain.
- b. Perubahan akibat pemilihan lambang kata daripada kata bahasa Melayu atau kata serapan asing.
- c. Perubahan akibat pemilihan kategori kata yang berbeza, seperti kata akar berubah menjadi kata berimbuhan, kata ulang, kata gabungan, kata bersisipan, akronim, dan lain-lain.

Pertukaran

Istilah yang dikatakan berubah dalam kategori pertukaran ini tidak mengalami perubahan dari segi makna istilah berkenaan. Perubahan ini dibuat bagi memenuhi keperluan semasa dalam memperbaik sistem formal sesuatu bahasa semasa perkembangan dan pembinaan bahasa berkenaan. Contohnya:

asidiam menjadi aesidium (istilah sumber *aecidium*)

Istilah asidiam merupakan bentuk istilah yang dipinjam daripada istilah asing *aecidium* dan disesuaikan ejaannya mengikut pedoman pembentukan istilah pada masa itu. Ejaan asidiam dibentuk mengikut

sebutan bagi kata *aecidium* dalam bahasa sumber. Istilah asidiam diubah menjadi istilah aesidium. Perubahan ini melibatkan perubahan ejaan, iaitu aesidium dieja mengikut pedoman pembentukan istilah yang lebih terkini, dengan ejaan aesidium dibentuk mengikut bentuk visual ejaaannya dalam bahasa sumber.

ampai2 berubah menjadi ampai-ampai (istilah sumber *jellyfish*)

Istilah ampai2 merupakan bentuk kata ganda daripada kata umum bahasa Melayu. Ejaan ampai2 mengikut sistem ejaan lama, yang mengeja kata ganda menggunakan angka dua (2) pada hujung kata ganda. Ejaan ampai2 diubah menjadi ampai-ampai mengikut sistem ejaan baharu, iaitu kata ganda diulang dan dipisahkan menggunakan tanda sempang.

lobula menjadi lobul (istilah sumber *lobule*)

Istilah lobula berasal daripada kata Latin *lobus (lobe)*, dan ejaan disesuaikan ke dalam bahasa sasaran (bahasa Melayu) mengikut pedoman pembentukan istilah pada masa itu, yang menganjurkan supaya ejaan bagi kata asing yang mempunyai akhiran -e, digantikan dengan akhiran -a dalam bahasa Melayu. Oleh itu, *lobule* menjadi lobula. Lobula diubah menjadi lobul kerana mengikut pedoman pembentukan istilah terkini, ejaan bagi kata asing yang berakhiran -e, vokal e tersebut digugurkan. Oleh itu, *lobule* menjadi lobul.

Penghilangan

Penghilangan pula merujuk kepada perubahan istilah yang berlaku kerana menghilangnya leksikon atau istilah untuk konsep tertentu akibat perubahan sesuatu panduan dalam usaha memperbaik sistem formal sesuatu bahasa. Penghilangan leksikon juga mungkin berlaku kerana pilihan masyarakat terhadap leksikon baru yang sama maknanya dengan leksikon lama. Perubahan ini juga melibatkan faktor pemilihan lambang kata yang berlainan, iaitu kata bahasa Melayu kepada kata serapan bahasa asing. Contohnya:

haiwan maging menjadi haiwan karnivor (istilah sumber *carnivorous animal*)

Istilah maging merupakan istilah yang dibentuk secara akronim, iaitu dengan menggabungkan suku kata awal ma dalam makan dengan suku kata akhir ging dalam daging. Istilah maging ditukar menjadi

karnivor kerana pedoman terkini tidak menggalakkan pembentukan istilah secara akronim.

bekalembaga menjadi endosperma (istilah sumber *endosperm*)

Istilah bekalembaga dibentuk secara akronim dengan menggabungkan dua konsep yang menghuraikan istilah berkenaan, iaitu bekal (bekalan makanan) dan lembaga yang merujuk kepada anak benih yang bakal terbentuk.

tidor-tapa menjadi hibernat (istilah sumber *hibernate*)

Istilah tidor-tapa dicipta dengan menggabungkan dua kata akar bahasa Melayu bagi konsep *hibernate*. Walau bagaimanapun, istilah tersebut telah digantikan dengan istilah hibernat.

Penambahan

Perubahan istilah dalam kategori penambahan berlaku akibat munculnya konsep baharu yang berpunca daripada pengaruh kemajuan teknologi. Akibatnya berlakulah perbezaan pemilihan lambang kata, iaitu perubahan daripada kata bahasa Melayu kepada kata serapan bahasa asing. Antara faktor yang menyebabkan penambahan leksikon baru ialah belum adanya istilah berkenaan dalam sesuatu bahasa, atau kemungkinan sudah ada istilah tetapi maknanya berbeza dengan yang sedia ada. Contohnya:

kuman menjadi bakteria (istilah sumber *bacteria*)

Istilah kuman merupakan istilah terjemahan bahasa Melayu bagi konsep *bacteria* dalam bahasa Inggeris. Istilah tersebut ditukar kerana kuman mempunyai medan makna yang negatif sahaja berhubung dengan hidupan seni, berbeza daripada makna bakteria yang turut mencakupi aspek positif kerana ada sesetengah bakteria yang digunakan untuk tujuan positif seperti dalam penghasilan yis, yogurt dan tempe.

kerongkong menjadi esofagus (istilah sumber *oesophagus*)

Istilah kerongkong merupakan istilah terjemahan bahasa Melayu bagi konsep *oesophagus* dalam bahasa Inggeris. Perubahan akibat faktor penambahan menyebabkan istilah kerongkong ditukar menjadi esofagus. Pertukaran istilah ini dibuat kerana makna esofagus yang lebih luas dan bukan sekadar membawa maksud kerongkong tetapi turut mencakupi saluran berdekatan kerongkong dan sebagainya.

Penyempitan

Penyempitan merujuk kepada perubahan istilah yang berlaku akibat pergeseran makna sesuatu unsur bahasa yang menjadi lebih sempit atau lebih terbatas berbanding dengan makna sebelumnya. Perubahan juga melibatkan perbezaan pemilihan lambang kata, iaitu kata bahasa Melayu diubah kepada kata serapan asing. Contohnya:

duyong;lumba2 menjadi dolfin (istilah sumber *dolphin*)

Istilah duyong dan lumba2 yang diterjemah daripada istilah bahasa Inggeris *dolphin* mewakili konsep yang lebih luas kerana istilah tersebut boleh terdiri daripada beberapa spesies yang berbeza dalam kumpulan haiwan tersebut. Faktor penyempitan telah menukar istilah tersebut kepada makna dolfin yang lebih sempit kerana hanya merujuk kepada spesies dolfin yang khusus sahaja.

Peluasan

Kategori peluasan pula merujuk kepada perubahan istilah yang berlaku akibat faktor peluasan disebabkan peluasan makna yang mencakupi bidang semantik leksikal, dan berhubungan dengan perubahan makna leksikon. Contohnya:

sesungut menjadi perasa (istilah sumber *feelers*)

Istilah sesungut merupakan istilah terjemahan bahasa Melayu bagi konsep *feelers* dalam bahasa Inggeris. Istilah sesungut telah ditukar menjadi perasa yang melibatkan faktor peluasan kerana makna perasa telah diperluas untuk turut merangkumi makna sesungut selain makna umum perasa, dalam kes ini sebagai anggota untuk deria sentuh.

PERUBAHAN PADA DEKAD 1990-AN

Bahagian ini membincangkan istilah yang mengalami perubahan morfologi selepas tahun 1988. Kajian menunjukkan bahawa untuk tempoh 1990 hingga 1999, hanya lima peratus istilah sahaja yang mengalami perubahan morfologi, manakala 95 peratus lagi mengekalkan bentuknya (lihat Jadual 4). Pengekalan morfologi sebahagian besar istilah terjemahan ini menunjukkan istilah tersebut telah dimasyarakatkan dan telah mantap, serta tidak mungkin diubah lagi. Sekiranya diubah, kemungkinan berlaku gangguan komunikasi antara individu dalam bidang mahupun di luar bidang. Sebahagian kecil istilah pula didapati mengalami perubahan

HASNAH BINTI MOHAMAD

morfologi, contohnya istilah uterus yang berubah menjadi rahim (istilah sumber – uterus) kerana perkembangan dan kemajuan ilmu terkini telah mengangkat kata umum bahasa Melayu (rahim) menjadi istilah teknikal bagi menerangkan konsep uterus.

Jadual 4 Jadual perubahan istilah sasaran biologi tahun 1968, 1988, 1990-an.

Bil.	Istilah Sumber	Istilah Sasaran		
		1968	1988	1990-an
1	algae	rumpayer	alga	alga
2	anatomy	kajibinatuboh	anatomi	anatomi
3	bile	hempedu	hempedu	hempedu
4	cartilage	rawan	rawan	rawan
5	cell	sel lapisan dalam	sel	sel
6	conjugate (animals)	bertaup	konjugat	konjugat
7	digestion	penghadhaman	pencernaan	pencernaan
8	embryo	lembaga; tian; mudigah	embrio	embrio
9	endocrine	endokerina	endokrin	endokrin
10	enzyme	enzim	enzim	enzim
11	fibril	fibril	fibril	fibril
12	gene	jen	gen	gen
13	glucose	gelukos	glukosa	glukosa
14	hormone	hormon	hormon	hormon
15	hyaline	hening	hialin	hialin
16	mussel	kerang	kepah	kepah
17	ovary	obari	ovari	ovari
18	pancreas	pankerias	pankreas	pankreas
19	periphery	pinggir	periferi	periferi
20	secretion	rembesan	perembesan; rembesan	perembesan; rembesan
21	uterus	rahim	uterus	rahim

KESIMPULAN

Kajian menunjukkan peratus perubahan istilah adalah tinggi pada dekad 80-an berbanding dengan dekad 90-an. Perbezaan ini menjelaskan proses perkembangan dan pengukuhan bahasa Melayu melalui pemantapan kosa kata khusus. Keadaan ini juga membuktikan semakin lama sesuatu istilah menjadi semakin mantap dan dikekalkan bentuknya, dan usaha penciptaan istilah hanya untuk konsep yang baru muncul. Hasil kajian

PENTERJEMAHAN ISTILAH BIOLOGI: PERBANDINGAN TIGA DEKAD

turut mempamerkan istilah tahun 60-an lebih banyak dibentuk melalui terjemahan langsung dan menggunakan kata bahasa Melayu yang kemudiannya diubah menjadi kata serapan (khususnya daripada bahasa Inggeris) pada tahun 80-an.

Fenomena ini berlaku mungkin disebabkan penglibatan individu yang berbeza dalam jawatankuasa yang membentuk istilah tersebut. Menurut Puteri Roslina (2005) terdapat tiga golongan pemikiran yang terlibat dalam jawatankuasa pembentukan istilah. Golongan pertama merupakan golongan konservatif atau tulen yang berpendapat bahawa bahasa Melayu mestilah mengandungi kata-kata bahasa Melayu sahaja. Golongan kedua pula ialah golongan progresif yang begitu mudah menerima unsur asing ke dalam bahasa Melayu dengan alasan bahawa bahasa Melayu tidak mampu menjadi bahasa ilmu. Manakala golongan ketiga pula ialah golongan sederhana yang menterjemahkan istilah asing ke dalam bahasa Melayu setelah mengkajinya dengan teliti.

Selain itu, masyarakat pada era awal kemerdekaan juga lebih cenderung menjauhkan unsur-unsur bahasa penjajah dalam istilah yang dibentuk seperti yang tergambar dalam istilah biologi 1968. Ini menunjukkan semangat untuk menonjolkan jati diri bahasa sendiri lebih kuat dalam masyarakat pada dekad tersebut. Tham Seong Chee (1990) pula menegaskan, pembentukan istilah bagi rujukan yang sama seboleh-bolehnya menggunakan kata bahasa Melayu merupakan suatu desakan terhadap keinginan untuk menghilangkan pengaruh penjajah agar terbentuknya satu identiti ketimuran yang jati. Proses ini berlaku kerana kesedaran terhadap nilai-nilai kebangsaan, iaitu melenyapkan segala tinggalan penjajahan dalam bahasa Melayu.

Kajian ini juga mengenal pasti beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan istilah, iaitu faktor sejarah yang melibatkan perkembangan semasa dalam proses perancangan bahasa, seperti perubahan sistem ejaan, dan pedoman pembentukan istilah; perubahan pemilihan lambang kata; dan perubahan kategori kata, sama ada kata akar berubah menjadi kata berimbuhan, kata ulang, kata gabungan, kata bersisipan, atau akronim. Selain berpegang pada panduan yang ditetapkan untuk membentuk istilah, faktor pengguna juga amat perlu diambil kira. Sikap positif masyarakat mempengaruhi pengekalan sesuatu bentuk istilah dalam tempoh tertentu kerana masyarakat merupakan penentu dalam proses pemantapan istilah dan seterusnya pemantapan bahasa Melayu secara umumnya.

PENUTUP

Perubahan leksikon, khususnya perubahan istilah biologi merupakan sebahagian fenomena perubahan bahasa Melayu. Peratus perubahan yang semakin berkurang menunjukkan bahasa Melayu semakin mantap kerana sikap positif masyarakat yang memudahkan berlakunya pemasyarakatan istilah. Pengenalpastian faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan istilah dapat membantu mengelakkan berlakunya perubahan secara berleluasa pada tahun-tahun berikutnya. Perbezaan pola istilah pada dekad 60-an berbanding dekad 80-an dan 90-an menjelaskan sikap masyarakat, sama ada penggubal atau pengguna istilah yang berbeza terhadap bentuk-bentuk istilah yang disepakati.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar, 1987. *Bahasa Malaysia Saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baker, C., 1992. *Attitudes and Language*. England: Multilingual Matters.
- Daftar Istilah Biologi*, 1988. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Felber, H., 1995. *Panduan Peristilahan*. Diterjemah oleh Zahrah Abd. Ghafur dan Salamiah Mat Sah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Istilah Kajihayat, Perhutanan dan Pertanian*, 1968. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pedoman Umum Pembentukan Istilah*, 2004. Edisi Baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Puteri Roslina Abdul Wahid, 2005. *Peminjaman Kata Bahasa Inggeris dalam Peristilahan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sibarani, R., "Perubahan Bahasa: Kajian linguistik budaya terhadap leksikon" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. 44 (10) : 1037 – 044, 2000.
- Tham Seong Chee, 1990. *A Study of the Evolution of the Malay Language: Social Change and Cognitive Development*. Singapura: Singapore University Press.